

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK [ SIMPANG RENGAM ]** minta **MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan program  
Sasterawan @ Faculty yang dilancarkan sebelum ini untuk mengangkat  
martabat sastera tanah air dan para sasterawan di kalangan komuniti  
menara gading.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2019, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mewujudkan satu program di universiti awam yang melibatkan penggiat sastera khususnya Sasterawan Negara yang dinamakan program 'Sasterawan di Universiti'. Matlamat utama program ini adalah bagi membolehkan Sasterawan Negara berkongsi ilmu dan pengetahuan berkaitan dengan kesusasteraan dengan warga universiti khususnya pelajar.

Objektif pewujudan program 'Sasterawan Di Universiti' ini adalah:

- (a) Menyemarakkan nilai kesusasteraan setiap warga universiti tanpa mengira latar belakang ke tahap tertinggi dengan memperkasa STREAM (*Science, Technology, Reading, Engineering, Arts and Maths*);
- (b) Mengiktiraf penglibatan Sasterawan Negara di peringkat Kementerian sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara;
- (c) Mewujudkan integrasi dan sinergi antara para sasterawan negara dengan ahli akademik;
- (d) Menjadi ikon kepada komuniti di universiti dengan mencurahkan ilmu, perkongsian pengalaman khidmat nasihat dan lain-lain; dan
- (e) Mengasah bakat pelajar dalam melahirkan sasterawan muda sebagai generasi pelapis pada masa akan datang.

Sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan program ini, universiti-universiti awam telah mengambil inisiatif untuk melantik Sasterawan Negara dan para Karyawan sebagai Profesor Adjung, Sasterawan Tamu, Karyawan Tamu, Pensyarah Jemputan dan jawatan-jawatan lain yang bersesuaian di IPT. Pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan Sasterawan Negara dan para Karyawan telah dilaksanakan.

## NO. SOALAN : 16

Antaranya termasuklah sesi wacana ilmu, pameran karya-karya sasterawan, dan sesi bual bicara untuk manfaat warga universiti dan pelajar. Pada tahun 2020, program ini masih dilaksanakan di universiti-universiti awam. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah:

- (a) Syarahan oleh Prof Datuk Dr Mohammed Hatta Shahrom Kepimpinan Berpandukan QALB bertajuk 'Pemupukan Integriti Dalam Kepimpinan' yang telah diadakan pada 19 Februari 2020 di Dewan UTMLead, UTM Johor Bahru;
- (b) Pengwujudan "*Reading Corner* Johan Jaaffar" atau Sudut Bacaan Johan Jaaffar pada 4 Mac 2020 di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM;
- (c) Syarahan Perdana, Diskusi dan Bicara Tokoh, Sasterawan Negara Profesor Dr. Siti Zainon Ismail yang diadakan pada 16 – 17 April 2020 di UniMAS, Sarawak;
- (d) Sesi Menyantuni Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh pada 2 Julai 2020 di Kediaman Sasterawan Negara, Kajang anjuran USIM;
- (e) Deklamasi Sajak Kemerdekaan 'Erti Kemerdekan', sebuah karya oleh Sasterawan Negara, A. Samad Said bersempena Pameran Kemerdekaan 63 Tahun yang telah berlangsung pada 9 Ogos – 17 September 2020 di Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, UniSZA; dan
- (f) Majlis Penghargaan Dan Sesi Percambahan Idea Bersama Sasterawan Negara yang diadakan pada 3 September 2020 di Putrajaya anjuran Rakan Strategik Pusat Kebudayaan USIM.

Sekian, terima kasih.